

Tubuh koperasi vanilla

Oleh SALEHUDIN
MAT RASAD
pengarang@utusan.vom.my

■ TEMERLOH 22 SEPT.

KOPERASI Vanilla Berhad perlu ditubuhkan supaya menjadi entiti perniagaan yang memberi faedah besar kepada ahlinya.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, vanilla disifatkan sebagai tanaman 'emas' yang menguntungkan.

"Penubuhan Koperasi Vanilla Berhad membolehkan Angkasa membantu dari segi khidmat nasihat, penganjuran kursus, pinjaman dan geran tahunan yang sesuai.

"Penanaman vanilla memberi pulangan pendapatan lumayan kepada koperasi atau pengusaha antara RM600,000



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tengah) meninjau projek tanaman vanilla milik Feisal Mohamad Norawi (kiri) di Temerloh, Pahang, semalam.

hingga RM1 juta semusim bagi kawasan tanaman satu hektar," katanya selepas lawatan kerja ke kebun vanilla milik Fei-

sal Mohamad Norawi seluas 1.2 hektar di Kampung Bangau Parit Temerloh di sini hari ini.

Vanilla antara lapan jenis

tanaman bernilai tinggi seperti durian musang king dan halia yang penanamannya disaran oleh kerajaan kerana harganya lumayan dan mendapat permintaan tinggi pengusaha makanan.

Abdul Fattah berkata, selaku pengusaha vanilla di Temerloh, Feisal membuktikan perniagaan itu dapat menjana pendapatan lumayan hasil jualan di pasaran tempatan dan luar negara.

"Oleh itu, 300 pengusaha tanaman vanilla di seluruh negara wajar menubuhkan Koperasi Vanilla Berhad supaya aktiviti dan perancangan berkaitan vanilla disuarakan dalam koperasi.

"Tanaman vanilla yang berharga antara RM1,200 hingga RM2,000 sekilogram menjadikan tanaman ini bernilai emas kerana mendapat permintaan di pasaran luar negara," katanya.